

Headline	Fama Terengganu buka My Farm Outlet		
MediaTitle	Sinar Harian (Terengganu)		
Date	04 Sep 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	35	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	177 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,240
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,720



Fama Terengganu buka My Farm Outlet

KUALA TERENGGANU - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) negeri Terengganu kini membuka kedai berkonsep pasar mini dinamakan My Farm Outlet (MFO) di

Chendering bagi memudahkan orang ramai membeli barang basah pada harga lebih rendah berbanding di pasar biasa.

Penyelaras Pasar Tani dan MFO negeri Terengganu, Halmi Hamzah berkata, seramai 13 peserta terdiri daripada petani dan pemborong menyertai jualan itu.

"Selain menjual secara borong, belian secara runcit juga dijual dengan harga borong. Berbeza dengan pasar tani yang beroperasi setiap hari kecuali Jumaat.

"Operasi pula, bermula pada 8 pagi hingga 7 petang," katanya.

Beliau berkata premis tersebut siap

pada Februari dan merupakan MFO keenam di negara ini selain Presint 7, Putrajaya; Manjung, Perak; RTC Kota Bharu, Kelantan; Simpang 4, Perlis dan Kuala Kedah, Kedah.

Menurutnya, MFO adalah satu lagi inisiatif kerajaan melalui Fama untuk menyejahterakan rakyat dengan menawarkan barang keperluan harian yang berkualiti dengan harga pasaran yang berpatutan.

My Farm Outlet akan tawarkan tujuh komoditi utama iaitu ayam, ikan, daging, sayur, buah-buahan, barangan industri asas tani termasuklah produk sejuk beku.

"Kesemua produk itu Fama ambil secara terus dari ladang termasuklah ladang kontrak, persatuan nelayan, pengusaha makanan dan sebagainya.

"Alhamdulillah, sambutan menggalakkan setakat ini," katanya.



Orang ramai boleh dapatkan barangan basah di My Farm Outlet yang kini dibuka di Chendering.